



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
MOTAC LANCAR KEMPEN MESRA MALAYSIA, HARGAI KOMITMEN
RAKAN STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN

KUALA LUMPUR, 11 FEBRUARI 2026 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) hari ini telah melancarkan **Kempen Mesra Malaysia** sebagai inisiatif nasional bagi memperkukuh budaya layanan mesra dan kualiti perkhidmatan industri pelancongan negara sempena Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026).

Majlis peluncuran yang telah disempurnakan oleh YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya di Zon Ketibaan ERL, KL Sentral turut menyaksikan penyampaian Plak Rakan Strategik kepada agensi kerajaan dan pemain industri utama sebagai penghargaan atas sokongan dan komitmen mereka dalam menjayakan agenda hospitaliti negara. Kempen Mesra Malaysia memberi penekanan kepada amalan perkhidmatan sebenar dalam kalangan petugas barisan hadapan termasuk sektor pengangkutan, hospitaliti dan pelancongan.

Kekuatan Malaysia bukan sahaja terletak pada kepelbagaian budaya, warisan makanan, seni dan tradisi yang kaya serta keindahan alam semula jadi dan kemudahan pengangkutan yang menjadikan negara ini mudah diakses pelancong, tetapi yang paling signifikan ialah sikap rakyat Malaysia yang mesra, beradab dan sentiasa bersedia membantu. Nilai inilah yang menjadi identiti nasional dan diperkukuh melalui Kempen Mesra Malaysia bagi memastikan setiap pelancong bukan sekadar datang melawat, malah pulang dengan pengalaman yang positif dan bermakna.

Antara rakan strategik yang menerima pengiktirafan termasuk Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Kewangan (MOF), Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Prasarana Malaysia Berhad, Grab Malaysia, Malaysia Aviation Group (MAG), Air Asia, Batik Air, Majlis Pelancongan

Pemandu Pelancong Malaysia (MTGC), Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO) dan Persatuan Hotel Bajet dan Perniagaan Malaysia (MyBHA).

Majlis turut menyaksikan penyampaian lencana (pin) Mesra Malaysia kepada wakil petugas barisan hadapan pelbagai sektor sebagai simbol komitmen dalam mengamalkan nilai layanan mesra di peringkat operasi, selain acara simbolik penampalan pelekat magnetik Kempen Mesra Malaysia ke atas kenderaan terlibat sebagai tanda pelaksanaan kempen secara langsung di lapangan. Bagi menyokong peluasan jangkauan kempen ini, pihak Grab Malaysia turut menawarkan kerjasama strategik melalui penampalan pelekat Kempen Mesra Malaysia pada kenderaan e-hailing, Grab, sebagai medium promosi bergerak bagi memperluas hebahan dan meningkatkan kesedaran awam terhadap kempen tersebut.

Malaysia merekodkan 42.2 juta ketibaan pelawat pada tahun 2025, sekali gus menyediakan asas kukuh bagi mencapai sasaran 47 juta pelawat di bawah VM2026.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)**

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181

Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my

Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac

